

**KAJIAN KE ATAS TABIAT MEMAKAN
DAN KANDUNGAN PERUT IKAN - IKAN DAGANGAN
DI LAUT CHINA SELATAN**

SYED AHMAD FUADIN B. SYED AHMAD

**FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR.
1988/89**

KAJIAN KE ATAS TABIAT MEMAKAN
DAN KANDUNGAN PERUT IKAN - IKAN DAGANGAN
DI LAUT CHINA SELATAN

OLEH

SYED AHMAD FUADIN B. SYED AHMAD

Laporan projek ini merupakan sebahagian
daripada keperluan untuk mendapatkan Ijazah
Bacelor Sains (Perikanan)

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA

UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

SERDANG SELANGOR

1988/89

1100023658

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani serta rahmatnya yang tidak terhingga dapat saya menyudahkan Projek ini dengan tidak banyak halangan dan rintangan.

Di sini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih saya kepada Dr. Hj. Mohd. Zaki Mohd. Said selaku penyelia saya yang pertama dan Dr. Abu Khair Mohd. Mohsin yang banyak membantu saya di dalam menjayakan projek ini. Kepada rakan - rakan se kuliah yang banyak memberikan bantuan dari segi buah fikiran dan cabaran, jasa anda semua tidak akan saya lupakan.

Tidak ketinggalan juga kepada semua kakitangan Pusat Perikanan dan Sains Samudera, Universiti Pertanian Malaysia, Kuala Terengganu. Kerana banyak sumbangan yang telah diberikan di dalam menjayakan Projek ini.

Akhir sekali ucapan terima kasih saya ialah kepada semua anggota keluarga saya yang saya sayangi kerana bantuan yang diberikan semasa saya menuntut di Universiti Pertanian Malaysia.

Abstrak

Sebanyak 436 spesimen ikan dagangan dari lapan spesis telah dianalisa kandungan perut dengan kaedah gravimetrik. Daripada analisa yang dijalankan sebanyak 16 jenis item makanan telah dijumpai di dalam perut. Item - item tersebut ialah lima krustasea, empat moluska, empat teleost dan masing-masing satu polikaeta, satu fitoplankton dan satu alga hijau.

Daripada lapan spesis yang dikaji dua spesis adalah karnivor aktif, tiga spesis karnivor kurang aktif, dua spesis omnivor dan satu spesis pemakan plankton. Krustasea dijumpai paling banyak sekali daripada keseluruhan gut yang dianalisa dan Udang Penaeid merupakan diet utama ikan - ikan dagangan yang dikaji.

Abstract

A total 436 specimen of commercial fish from eight species have been analysed for their stomach content using gravimetric methods. The result showed that there are 16 type of food item found in the gut ; five crustacea, four mollusca, four teleostei and one each from polychaeta, phytoplankton and green algae.

A study from eight species showed that there are two species of active carnivore, three species of less active carnivore, two species of omnivore and one species of plankton feeder. Crustacea was found the most to be dominant in the whole gut analysis study, in which Penaeid shrimp found to be the most important diet among the study of the commercial fish.